

SIARAN MEDIA**Datasonic H2O Run 2024: Program Mega untuk Komuniti, Tanggungjawab Sosial, dan Kelestarian Alam**

Kuala Lumpur, 27 Januari 2024 - Datasonic Group Berhad, pembekal terkemuka dalam solusi ICT berdasarkan keselamatan, telah melancarkan program Mega Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) "Datasonic H2O Run 2024", sebuah acara istimewa yang mencerminkan semangat komuniti, tanggungjawab sosial, dan kelestarian alam. Acara ini dijadualkan berlangsung di Padang Merbok, Kuala Lumpur, dengan penyertaan lebih dari 1,500 orang; termasuk kakitangan Datasonic, pelajar dari SMK Seksyen 11, Shah Alam, dan orang awam.

Acara ini telah diserikan dengan kehadiran, Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh, dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg Datuk Kamarulzaman Mat Salleh. Kehadiran mereka menekankan kepentingan inisiatif ini dalam mempromosikan komuniti yang lebih sihat dan bersatu padu.

Dalam kenyataan beliau, YHM Tengku Abu Bakar Ahmad, Pengurus Eksekutif Datasonic Group Berhad, menyatakan, "Datasonic, sebagai salah satu peneraju dalam penyediaan solusi ICT berdasarkan Keselamatan di Malaysia, telah mula meningkatkan komitmen kami kepada tanggungjawab sosial korporat sejak tahun 2021 selepas berakhirnya wabak COVID-19 yang melanda dunia. Kami telah melancarkan pelbagai inisiatif dan program yang memfokuskan kepada komuniti pada tahun 2021, dan tahun lalu, kami mula memberikan penekanan kepada kelestarian alam. Dengan program 'Datasonic H2O Run 2024' hari ini, kami berhasrat untuk menggabungkan semua aspek CSR kami iaitu Komuniti, Sosial, dan Alam sekitar dalam satu program yang bermakna."

"Datasonic Group Berhad sentiasa berada di barisan hadapan dalam usaha meningkatkan sumbangan kami kepada komuniti, kesejahteraan sosial, dan kelestarian alam. Buat julung kalinya, Datasonic mengatur program Mega CSR yang merangkumi penyertaan dari dalam dan di luar syarikat. Acara ini menampilkan larian 5 kilometer yang dan memberikan peluang unik kepada peserta untuk bersatu dan terlibat dalam aktiviti luar yang sihat. Selain itu, terdapat juga pelbagai aktiviti mesra keluarga yang lain, termasuklah hadiah-hadiah cabutan bertuah, menjadikan acara ini lebih meriah dan mengujakan."

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menyatakan dalam ucapan beliau "Suka saya menyatakan di sini bahawa, pihak Kerajaan amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup semua rakyat. Sumbangan atau bantuan tidak terhad kepada bentuk kewangan atau material semata-mata. Sekiranya kita dapat meluangkan sedikit masa, tenaga, sokongan secara mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada semua. Adalah diharapkan hubungan strategik yang terjalin ini dapat dimanfaatkan untuk lebih ramai lagi kumpulan sasar Jabatan melalui kerjasama CSR



DATASONIC GROUP BERHAD

(Registration No. 200801008472 (809759-X))

Level 6, Bangunan Setia 1,

No. 15, Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel : +603-2632 9699

Fax: +603-2011 3560

Website: www.datasonic.com.my

bersama lain-lain syarikat korporat dan swasta dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

Datasonic membayangkan masa depan yang lebih cerah dan lestari melalui "Datasonic H2O Run 2024." Acara ini menandakan permulaan komitmen berterusan untuk mencipta kesan positif dalam masyarakat, memupuk tanggungjawab sosial, dan menjaga alam sekitar kita. Datasonic akan terus mewujudkan inisiatif yang menyumbang kepada peningkatan masyarakat, dan program ini hanya langkah pertama dalam siri usaha yang berkesan yang dirancang untuk masa depan.

Tentang Datasonic Group Berhad:

Datasonic adalah pembekal penyelesaian berintegrasi berkaitan keselamatan dengan rekod prestasi kukuh yang telah tersenarai dalam Bursa Malaysia Securities Berhad Main Market sejak tahun 2012. Datasonic menawarkan keupayaan teknikal yang kukuh yang disokong oleh pasukan penyelidikan dan pembangunan ("R&D") yang berbakat di dalam syarikat. Ia mengkhusus kepada kad pengenalan serbaguna, pasport elektronik yang mematuhi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ("ICAO"), pintu masuk automatik dengan biometrik serba guna dan sistem pengecaman wajah, kad pintar kewangan, sistem CCTV dan pengawasan bersepadu dengan analistik video, serta penyelesaian ICT berkaitan penjagaan kesihatan. Sejak tahun 2012, Datasonic telah menjadi pembekal untuk projek Kad Pengenalan Malaysia ("MyKad"), dan sejak tahun 2016, ia telah menjadi pembekal yang menyediakan penyelesaian pasport elektronik yang mematuhi ICAO kepada kerajaan Malaysia. Datasonic juga merupakan peneraju dan pembekal utama sistem dan penyelesaian personalisasi kad ATM/Kad Debit dan Europay, Mastercard, dan Visa ("EMV").

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Nama: Sabilillah Sari Zamri

Jawatan: Pengurus, Komunikasi Strategik Datasonic Group Berhad

Nombor Telefon: 011-6978 4809